



SIARAN AKHBAR


KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


22 Rejab 1444 / 13 Februari 2023

- I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, kadar purata kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam terus menunjukkan penurunan yang mana kadar purata kes COVID-19 dalam masa satu minggu kebelakangan ialah **88** kes sehari, berbanding dengan kadar pada minggu sebelumnya iaitu **108** kes sehari. Sebanyak **29,869** keputusan ujian ART telah dimuat naik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 2.0% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.

7 day average of daily COVID-19 cases



Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

- i) Pada hari ini, **tidak ada kes** di dalam Kategori 5 dan Kategori 4 yakni yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) dan memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
 - ii) Sehingga kelmarin, 12 Februari 2023, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **79.1%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **11.9%** juga telah mendapatkan dos keempat.
2. Pada hari ini, sebanyak **82 kes baru** telah dilaporkan iaitu semuanya adalah daripada hasil ujian ART dan **tidak ada** kes telah dikesan dari

ujian-ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

3. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 22 Rejab 1444H / 13 Februari 2023